

09/11/1999

PM mahu karyawan filem tingkat daya saing

WALAUPUN 1999 menampakkan pengurangan jumlah penerbitan filem, namun Perdana Menteri bangga terhadap peningkatan mutu kerja karyawan dan seniman.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kemenangan pelakon negara ini pada festival filem Asia pasifik dan festival filem antarabangsa lain jelas membuktikan industri filem berdaya maju untuk dijadikan bahan dagangan yang boleh diketengahkan di peringkat antarabangsa.

"Festival Filem Malaysia ke-14 (FFM14) adalah festival filem yang pasti dikenang sebagai penutup kegiatan perfileman pada abad ini.

"Saya percaya festival ini boleh dijadikan kayu pengukur kepada kejayaan karyawan perfileman di Malaysia," katanya dalam perutusan yang dimuatkan dalam buku cederahati Panca Delima - FFM14.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memang menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dalam semua sektor, termasuk perfileman.

Katanya, langkah kerajaan mengadakan projek Koridor Raya Multimedia adalah bertepatan kerana ia turut memberikan ruang kepada industri filem menerokai penerbitan filem menerusi teknologi digital dan komputer.

"Akhir-akhir ini, banyak filem asing diterbitkan menggunakan pelakon walau seorang pun.

"Justeru itu, karyawan filem tempatan harus peka akan perkembangan dunia penerbitan filem antarabangsa yang semakin canggih.

"Kita tidak mahu filem-filem kita ketinggalan bukan sahaja daripada segi isi cerita, malah teknik," katanya.

Selain Perdana Menteri, buku itu turut memuatkan pandangan Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib yang melahirkan rasa bangga di atas pemilihan Perak sebagai tuan rumah FFM14.

Sementara Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakub dalam perutusannya menganggap filem adalah wadah kebudayaan yang dapat membentuk masyarakat bermaruah.

Khalil juga menjelaskan Dana Perfileman Negara yang diperkenalkan oleh Kementerian Penerangan tahun ini, misalnya diwujudkan untuk menggalakkan karyawan melahirkan karya filem yang bermutu dan nilai estetika tinggi.

"Dana yang diuruskan oleh Finas ini akan bertindak sebagai pemangkin kepada perkembangan industri perfileman tempatan," jelasnya lagi.

(END)